

Hanyalah Pilihan Allah

| [Ketua Perompak Yang Bertawaf](#) | [Gara-gara Seekor Ular](#) |

Ketua Perompak Yang Bertawaf


iriwayatkan
orang-orang
sekumpulan
mereka.

oleh Asy-Syibli: Dahulu saat kami bergabung dengan rombongan Syam, tiada terfikir olehku bahawa kami akan diserang oleh orang-orang Badwi, dan membawa kami menghadap kepada ketua

Pemimpin mereka itu lalu mengeluarkan sebuah geriba yang mengandungi gula tebu dan buah badam. Disantaplah jamuan itu oleh orang-orang Badwi yang merupakan anak buah dan pengikutnya, namun demikian pemimpin mereka justeru tidak ikut makan bersama mereka walaupun sedikit.

Melihat keanehan itu, aku pun bertanya, “Mengapa tuan tidak ikut makan beserta mereka?”

“Aku sedang berpuasa,” jawabnya.

“Bagaimana mungkin, bukankah tuan telah melakukan pelbagai perbuatan jenayah seperti merompak, merampas harta-benda orang dan melakukan pembunuhan, tetapi mengapa masih tetap berpuasa seperti sekarang ini?” tanyaku kepadanya dengan penuh hairan.

“Wahai syeikh, jadikanlah suatu tempat bagi perdamaian,” serunya kepadaku.

Selang beberapa waktu lamanya, kulihat dia sedang melakukan tawaf di sekeliling Kaabah dengan mengenakan pakaian ihram yang kasar bagaikan sebuah kulit keras lagi buruk. Melihat itu, aku lalu bertanya, “Engkaukah lelaki pemimpin kaum Badwi itu?”

“Benar, puasa itulah yang telah menghantarkanku sampai pada tingkatan seperti ini,” jawabnya.

[Kembali ke atas ↑](#)

Gara-gara Seekor Ular

Disebutkan oleh Al-Qadhi Abu Ali At-Tanukhi, dia mengatakan: Dahulu kala hiduplah seorang lelaki yang terkenal zuhud dan kuat ibadatnya, dialah Labib Al-Abid. Dia datang ke pintu gerbang negeri Syam dari arah barat kota Baghdad, sebuah tempat yang menjadi laluan orang ramai.

Labib kemudian berkata kepadaku: Dahulu aku adalah seorang hamba Rom, milik salah seorang tentera. Dialah yang merawat dan mengajarku cara bermain pedang sehingga aku pun mahir memainkannya sehingga merasa benar-benar perkasa.

Demi menjalin persaudaraan dan untuk mengawal hartanya, walaupun aku telah dimerdekakan sepeninggalnya, aku kemudian menikahi isterinya. Aku yakin, Allah SWT. telah mengetahui bahawa apa yang kuperbuat itu tiada lain sekadar untuk

menjaganya. Aku tinggal bersamanya beberapa tahun.

Selama hidup berumahtangga dengannya, suatu hari kulihat seekor ular menyelinap dalam bilik kami. Aku lalu memegang ekornya untuk kubunuh, tetapi ular itu justeru berbalik menyerangku dan berjaya menggigit tanganku hingga menjadi lumpuh. Setelah tanganku yang satu mengalami kelumpuhan, selang beberapa waktu kemudian tanganku yang lain menyusul lumpuh pula tanpa sebab- sebab yang jelas. Seterusnya kedua kakiku juga lumpuh, matakु menjadi buta dan terakhir aku menjadi bisu. Kemalangan ini kualami selama satu tahun.

Demikianlah keadaanku yang sangat buruk, kecuali hanya telingaku yang masih mampu menangkap segala pembicaraan. Aku tergeletak tiada berdaya: Aku selalu diberi minum saat aku merasa tidak dahaga, sementara itu dibiarkan kehausan saat aku kenyang, dan dibiarkan ketika aku merasa lapar.

Setelah berjalan satu tahun, datanglah seorang wanita menjumpai isteriku. Dia bertanya kepada isteriku, "Bagaimana keadaan Abu Ali Labib?"

"Dia tidak hidup dan tidak juga mati, sehingga hal ini membuatku bimbang dan hatiku menjadi sangat sedih," jawab isteriku.

Mendengar hal itu, dalam hatiku lalu mengadu kepada Allah dan berdoa. Dalam keadaan menderitа sakit yang seperti ini sedikit pun dalam jiwaku tidak merasakan sesuatu.

Pada suatu hari, aku merasa seakan-akan menerima pukulan sangat keras yang hampir membuatku binasa. Hal itu terus berlangsung hingga tengah malam atau mungkin sudah lewat tengah malam, kemudian sedikit demi sedikit rasa sakitku ini mula hilang, akhirnya aku dapat tidur.

Keesokan hari ketika terjaga dari tidur, kurasakan tangan ini telah berada di atas

dada, padahal selama ini tergeletak tidak berdaya di atas tempat tidur kerana mengalami kelumpuhan. Kucuba untuk bergerak dan ternyata berjaya. Melihat hal ini, aku merasa gembira dan yakin bahawa Allah akan memberikan kesembuhan. Kucuba menggerakkan tanganku yang lain dan ternyata dapat kugerakkan pula.

Aku juga mencuba memegang salah satu kakiku dan berjaya memegangnya, dan kukembalikan tanganku pada keadaan semula, hal ini kulakukan pula pada tanganku yang lain. Selepas itu aku ingin mencuba membalikkan tubuhku dan ternyata dapat kubalikkan dan bahkan aku mampu duduk lagi. Kemudian, aku bermaksud untuk berdiri dan ternyata aku juga mampu melakukannya, lalu kucuba lagi turun dari pembaringan, yang selama ini tubuhku terbaring. Tempat tidurku itu berada di sebuah bilik yang ada di rumahku.

Dalam kegelapan aku mencuba untuk mencari pintu bilik dengan meraba-raba dinding bilik, sebab mataku belum dapat melihat dengan terang. Akhirnya aku berjaya mencapai teras rumah dan di sana aku dapat memandang langit dan bintang-gemintang yang berkedip. Kerana luapan kegembiraan yang tiada terkira hampir menghentikan detak jantungku, dan segera terlontar dari bibirku rasa syukur kepada-Nya:
"Wahai Zat Yang Maha Kaya Kebaikan-Nya! Hanya Milik-Mulah segala puji."

Setelah itu aku pun berteriak memanggil isteriku dan dia segera datang menemui aku seraya berkata, "Abu Ali?"

"Sekarang inilah aku menjadi Abu Ali yang sebenarnya. Dan kini nyalakanlah lampu," kataku kepadanya.

Isteriku segera pula menyalakan lampu, dan kemudian kuperintahkan kepadanya untuk mengambilkan sebuah gunting.

Dia pun datang dengan membawa gunting yang kumaksud, dengan gunting itulah kupotong kumisku. Isteriku lalu berkata kepadaku, "Apa yang hendak kamu lakukan? Bukankah teman-temanmu telah mencelamu?"

“Selepas ini, aku tidak akan melayani seorang pun kecuali hanya semata-mata,” jawabku.

Tuhanku

Seterusnya kugunakan seluruh waktuku untuk menghadap kepada Allah SWT. dan tekun beribadat. Al-Qadhi Abu Ali meneruskan ceritanya kembali, bahawa Abu Ali Labib Al Abib adalah seorang yang mustajab doanya.

[Kembali ke atas ↑](#)

Dipetik Dari Buku: [4004 Memori - Kumpulan Cerita Ajaib, Aneh & Mencuit Hati -Siri 4](#)
Pengarang: Abu Hikmah Al Husni

